

LAMPIRAN B13

**SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN
PENYANDANG YANG DILANTIK
MENERUSI KPSL DI BAWAH SSB**

**SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN BAGI PENYANDANG
YANG DILANTIK MENERUSI KPSL DI BAWAH SSB**

<i>Bil.</i>	<i>Perbekalan</i>	<i>Syarat</i>
1.	TEMPOH PERCUBAAN	Pegawai yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.
2.	LATIHAN	Pegawai yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
3.	PEPERIKSAAN/ KURSUS INDUKSI	Pegawai yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan dikehendaki:- (a) hadir dengan jayanya Kursus Induksi sebelum disahkan dalam perkhidmatan; dan (b) lulus Peperiksaan Perkhidmatan sebelum layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.
4.	PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	Pegawai yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa sahaja selepas 1 tahun apabila telah:- (a) memenuhi syarat-syarat di bawah perbekalan 3 (a) di atas; dan (b) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
5.	PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan.
6.	KURSUS KENAIKAN PANGKAT	Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat jika diperlukan.

Catatan :

Selain daripada syarat-syarat perkhidmatan bagi perbekalan di atas, syarat-syarat bagi perbekalan yang lain di bawah skim perkhidmatan berkenaan (di mana penyandang itu meningkat menerusi KPSL) juga dikenakan ke atas penyandang, di mana berkenaan.